

# Kerajaan timbang tarik diri jadi penjamin pinjaman SFI — Dr. M

UM 10 NOV 1990

**K**UALA LUMPUR 9 Nov. — Kerajaan Pusat sedang menimbang kemungkinan menarik diri daripada menjadi penjamin terhadap pinjaman - pinjaman Syarikat Sabah Forest Industry Sdn. Bhd. (SFI) berikutan pemecatan mengejut pengerusinya dan seorang pengarahnya baru - baru ini.

Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, Kerajaan Pusat juga sedang mengkaji setakat mana ia bertanggungjawab terhadap SFI.

Beliau berkata, sekiranya Kerajaan Pusat tidak lagi mendapat kuasa untuk mengurus sesuatu yang ia menjadi penjamin dan memberi peruntukan wang, maka kerajaan perlu fikir sama ada ia patut terus

menjadi penjamin mereka.

Menurutnya, beliau tidak tahu sama ada SFI berhak memecat mereka.

"Yang saya tahu, Kerajaan Pusat memberi jaminan kepada pinjaman - pinjaman SFI.

"Bahkan Kerajaan Pusat telah memberi peruntukan untuk mengatasi masalah kewangan yang dihadapi oleh syarikat milik kerajaan Sabah itu," katanya kepada para pemberita di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Beliau diminta mengulas tindakan SFI memecat pengerusinya, Tan Sri Zain Azraai yang juga Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan dan menggantikannya dengan Ke-

tua Menteri Sabah, Datuk Sri Joseph Pairin Kitingan dalam mesyuarat agung luar biasa SFI 23 Oktober lalu.

Ia juga memecat seorang lagi pegawai tinggi Perbendaharaan, Encik C. Rajandram dan melantik seorang pegawai lain daripada kementerian yang sama, Encik Cheong Men Seng sebagai pengarah.

Adalah difahamkan, Kerajaan Pusat memberi bantuan secara langsung berjumlah \$250 juta kepada SFI bagi membiayai projeknya dan tetap bersama syarikat itu walaupun ia menghadapi masalah.

Di samping itu, Kerajaan Pusat juga bertanggungjawab atas apa jua bentuk jaminan

yang mungkin diberikan oleh kerajaan Sabah kepada syarikat berkenaan.

SFI terbabit dalam kegiatan perladangan hutan dan memproses balak untuk mengeluarkan palpa serta keluaran sampingan lain.

Mengenai keengganan kerajaan Sabah mematuhi arahan Kerajaan Pusat supaya mengurangkan eksport balaknya, Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan negeri itu memang langsung tidak mahu mematuhi apa jua dasar yang diputuskan oleh Kerajaan Pusat.

Menurutnya, Kerajaan Pusat sudah lama menasihatkan supaya pengeluaran balak untuk dieksport dikurangkan dan menggunakan kayu itu untuk industri dalam negeri.

"Kalau kayu balak tidak cukup untuk kegunaan dalam negeri bermakna ia juga tidak cukup untuk Sabah sendiri. Kilang - kilang kayu di Sabah terpaksa ditutup kerana tidak ada kayu balak dari Sabah untuk kegunaan di Sabah sendiri," ujar beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, Kerajaan Pusat tidak dapat berbuat apa - apa terhadap sikap degil kerajaan Sabah itu kerana kuasa bagi sumber alam terletak di bawah hak kerajaan negeri.

Undang - undang yang melibatkan kuasa kerajaan negeri tidak boleh dipinda melainkan mendapat persetujuan kerajaan negeri sendiri, katanya.

Mengenai pampasan, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat bersedia menanggung beban bersama terhadap apa - apa kerugian yang dialami oleh kerajaan negeri berikutan pengurangan eksport balak.

Sebagai maklumat latar, sebelum ini Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba memberi jaminan untuk membayar pampasan kepada kerajaan Sabah dan Sarawak terhadap kerugian yang terpaksa mereka tanggung sekiranya mereka menghentikan eksport balaknya.

Dasar sekatan eksport balak itu mula dilaksanakan oleh Sarawak sejak tahun lalu dengan menghadkan kuota eksport sebanyak 10 peratus setahun. Kuota sekatan eksport itu akan dinaikkan kepada 30 peratus menjelang 1995.